



KOS EKONOMI PENYALAHGUNAAN DADAH

**Jamal Ali¹, Sallahuddin Hassan² &
Noor Al-Huda Abdul Karim³**

ABSTRAK

Masalah dadah yang makin meruncing akan meningkatkan penyakit berkaitan dadah, masalah jenayah, kehilangan produktiviti dan keruntuhan struktur sosial dan ekonomi. Oleh yang demikian, secara signifikannya penyalahgunaan dadah mewujudkan kos rawatan kesihatan, jenayah, kehilangan produktiviti dan kos-kos lain yang berkaitan. Kajian ini cuba mengukur kos ekonomi dalam Ringgit Malaysia kesan daripada penagihan dan penyalahgunaan dadah di Malaysia. Kos-kos yang dianggarkan terdiri daripada kos rawatan kesihatan, kehilangan produktiviti, jenayah, perbelanjaan untuk mendapatkan bekalan dadah dan perbelanjaan kerajaan untuk aktiviti penguatkuasaan dan pemulihan. Berasaskan dapatan kajian ini, anggaran perbelanjaan bagi agensi-agensi penguatkuasaan dan pemulihan yang berkait dengan penyalahgunaan dadah ialah RM177 juta pada tahun 2008. Dengan mengambilkira kos rawatan kesihatan, kos kehilangan produktiviti dan kos berkaitan jenayah, kos tidak langsung penagih dadah seramai 63,884 orang penagih dadah di Malaysia berjumlah RM8.47 bilion. Seterusnya jumlah kos keseluruhan kos langsung dan kos tidak langsung penagihan dadah ialah sebanyak RM8.65 bilion. Ini menjadikan kos perkapita penagihan dadah di Malaysia ialah RM332.

¹ Professor Madya, Dr., Pengerusi Program Pasca Siswazah Ekonomi, Kolej Sastera dan Sains, UUM

² Pensyarah Kanan, Program Ekonomi, Kolej Sastera dan Sains, UUM

³ Pensyarah Kanan, Dr., Pengerusi Program Pasca Siswazah Pengajian Antarabangsa, Kolej Undang-undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa, UUM

**ABSTRACT**

High level of drug abuse increases drug related diseases, violence and crimes, productivity losses and collapse in social structure and economy. Thus, drug abuse significantly poses health care cost, crime career cost, productivity losses and other drug related costs. This study attempts to measure economic costs of drug addiction and abuse in Malaysia in Ringgit Malaysia amounts. The estimated costs cover the total health care cost for each drug abuse, crime career cost, losses of income, productivity losses, and the government agencies and non-government organization expenditure for enforcement and rehabilitation activities. Based on the findings from this study, the total cost of existing enforcement and rehabilitation related to drug abuse was estimated at RM177 million in 2008. Meanwhile, the health care cost, productivity losses, crime career cost, and other indirect costs for 63,884 drug addicted in Malaysia were estimated at RM8.47 billion. Finally, all the direct and indirect economic costs of illicit drugs were estimated at RM8.65 billion, representing RM332 per capita.

PENGENALAN

Masalah penyalahgunaan dadah dan penagihan dadah merupakan salah satu gejala sosial yang serius di seluruh dunia. Di Malaysia, gejala penyalahgunaan dadah (Akta Dadah Berbahaya (ADB), 1952) dan penagihan dadah (Akta Penagih Dadah, Rawatan dan Pemulihan (APD), 1983) sememangnya dianggap sebagai satu masalah serius kerana ianya bersifat epidemik. Lantaran itu, dadah telah diisytiharkan sebagai “Musuh Nombor Satu Negara” pada 19 Februari 1983 oleh YAB Perdana Menteri (AADK, 2008).

Perancangan rapi telah dilaksanakan bagi mencapai matlamat ini melibatkan pelbagai agensi kerajaan dan badan-badan bukan kerajaan (NGO) seperti Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Kementerian Kesihatan Malaysia, Unit Pencegahan Penyeludupan, Jabatan Penjara Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Kebajikan Masyarakat, PEMADAM (Persatuan Mencegah Dadah Malaysia), PENGASIH (Persatuan PENGASIH Malaysia), dan PENDAMAI (Persatuan ALUMNI Agensi Antidadah



Kebangsaan). Pelaksanaan aktiviti oleh agensi-agensi yang terlibat melibatkan kos langsung dan tak langsung seperti kos kakitangan dan peralatan, kos rawatan kesihatan, jenayah, kehilangan produktiviti dan kos-kos lain yang berkaitan.

PENYATAAN MASALAH

Penyalahgunaan dan penagihan dadah telah mewujudkan kos ekonomi dan sosial yang tinggi kepada semua pihak sama ada pihak kerajaan, masyarakat, keluarga dan individu-individu yang terlibat dalam penyalahgunaan dadah. Selain kos pemulihan, kos-kos ekonomi yang terpaksa ditanggung oleh kerajaan adalah kos rawatan kesihatan, kos perundangan dan sistem keadilan, kos program kesedaran, kos kerugian akibat jenayah dan kemalangan berkaitan dadah dan kos penurunan hasil cukai.

Manakala kos sosial yang terpaksa ditanggung oleh semua pihak yang terlibat adalah dalam bentuk peningkatan kerugian harta benda, kehilangan nyawa akibat jenayah dan kemalangan membabitkan penagih dadah, kematian penagih dadah, penurunan produktiviti, kehilangan pekerjaan dan ketidakstabilan kedudukan kewangan. Kesan sosial bukan sahaja merugikan negara dan penagih dadah sahaja, malahan turut membabitkan kerugian sosial dan tekanan psikologi kepada keluarga penagih dan masyarakat akibat kesalahan yang dilakukan oleh penagih dadah. Di samping itu, peningkatan jumlah penagih dadah menyebabkan pengurangan dalam jumlah modal manusia dan produktiviti. Penurunan kualiti dan kuantiti tenaga buruh mengundang kepada kelembapan pertumbuhan ekonomi jangka masa panjang.

Sesungguhnya kerajaan telah membelanjakan banyak wang untuk memerangi musuh utama negara ini. Sebahagian besar daripada perbelanjaan ini adalah bagi tujuan pemulihan di Pusat-pusat Serenti (sekarang dikenali sebagai PUSPEN). Jika dilihat daripada angka penagih yang kian meningkat, dilihat seolah-olah perbelanjaan untuk program pemulihan dan rawatan penagih dadah adalah suatu kerugian yang nyata kepada negara dan dianggap sebagai usaha yang tidak menguntungkan dari segi ekonomi. Ini kerana perbelanjaan yang besar ini boleh digunakan untuk projek-projek pembangunan



yang lebih produktif dan pengurusan kerajaan yang lebih cekap. Kos ekonomi dan sosial yang terpaksa ditanggung oleh kerajaan dan masyarakat adalah satu kerugian kepada pembangunan negara. Ini adalah kerana peruntukan perbelanjaan untuk membasmi kegiatan ini telah mengurangkan perbelanjaan pembangunan dan pengurusan kerajaan untuk sektor-sektor lain yang lebih bermanfaat. Jika dilihat dari sudut yang positif, perbelanjaan ini adalah bagi meningkatkan pembangunan modal insan yang menjadi asas kepada pembangunan ekonomi mapan untuk jangka masa panjang. Berdasarkan kenyataan tersebut, adalah penting untuk direkodkan pelbagai perbelanjaan yang telah ditanggung oleh agensi-agensi yang berkaitan dengan penguatkuasaan, pencegahan dan pemulihan dadah tersebut. Begitu juga perlu dibincangkan kaedah pengiraan kerugian kepada penagih dadah sendiri seperti kos kehilangan produktiviti, kos rawatan kesihatan dan kos berkaitan jenayah yang dilakukan.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif umum kajian ini adalah untuk mengenalpasti kos-kos yang terlibat dalam rawatan, pemulihan dan pencegahan penyalahgunaan dadah di Malaysia. Manakala objektif khusus kajian adalah:

- i. Mengukur kos yang ditanggung oleh agensi-agensi yang terlibat dengan pencegahan, penguatkuasaan dan pemulihan dadah;
- ii. Mengukur kos kesihatan dan kos sistem penjagaan kesihatan yang ditanggung oleh penagih dadah akibat dari penyalahgunaan dadah;
- iii. Mengukur kerugian kepada mangsa jenayah, kerosakan harta benda, kos penguatkuasaan undang-undang terhadap jenayah yang dilakukan oleh penagih dadah; dan
- iv. Mengenalpasti kesan kepada penagih dari segi pendapatan dan perbelanjaan rawatan.



ULASAN KAJIAN

Dalam aspek kos penyalahgunaan dadah, MacCoun, Reuter dan Schelling (1996), menyenaraikan beberapa pihak yang memikul beban kos kesan daripada penyalahgunaan dadah. Antara pihak yang terlibat ialah penagih, keluarga, pengedar, pembayar cukai, orang berdekatan yang tidak bersalah, jiran dan masyarakat. Sumber asas yang menjana kos penyalahgunaan dadah dipecahkan kepada empat punca, iaitu perdagangan dadah, penggunaan dadah, ketidaksahan dadah itu sendiri dan penguatkuasaan undang-undang dadah.

Menurut Groose (1990), penyalahgunaan dadah memberi kesan kepada kos penguatkuasaan undang-undang, kos rawatan dan kos pemulihan yang mana kos-kos ini merupakan kos langsung atau kos eksplisit. Manaka kos implisit disebabkan oleh penyalahgunaan dadah ialah kehilangan masa bekerja dan pengurangan produktiviti. Kajian MacCoun *et al.* (1996) mendapati tahap kelonggaran undang-undang berkaitan pencegahan, penggunaan dan pengedaran dadah memberi kesan kepada bilangan dan jenis orang yang terlibat, keadaan kesihatan, beban sistem penguatkuasaan dadah, jenayah atau keganasan dan jangkitan penyakit. Kesan ini boleh ditunjukkan dalam terma kewangan dan terma bukan kewangan. Dalam terma kewangan, contoh yang jelas ialah denda yang dikutip, kos rawatan dan kos pemulihan. Kesan terma kewangan boleh dikira dengan mengkaji tahap ketakutan terhadap jenayah yang membawa kepada perbelanjaan pencegahan jenayah akibat daripada penyalahgunaan dadah. Kesan bukan terma kewangan pula ialah pencabulan kebebasan individu, ketakutan akan ditangkap dan kesedaran terhadap ketidaktenteraman awam. Pada umumnya, kedua-dua jenis kesan ini adalah rumit dan sukar diukur dengan tepat.

Kejadian jenayah menyebabkan aliran peruntukan sumber-sumber kepada produk dan aktiviti yang tidak menyumbang kepada perkembangan ekonomi masyarakat. Jika tiada jenayah, sumber masa dan wang boleh digunakan untuk kegunaan yang memberi pulangan ekonomi. Faedah-faedah yang hilang daripada alternatif-alternatif ini mewakili kos benar jenayah kepada masyarakat. Selain dari itu, individu yang dipenjarakan akibat



kesalahan jenayah tidak boleh bekerja dengan produktif. Dari segi ekonomi, ianya menyebabkan masyarakat berhadapan dengan kerugian produktiviti pekerja. Penjenayah juga sebenarnya perlu mengambil masa untuk merancang jenayah yang akan dilakukan, dan ianya sudah tentu dianggap kerugian ekonomi. Dalam kajian Groose (1990) dan Anderson (1999), jenayah kekerasan melibatkan kos implisit. Ianya termasuklah ketakutan mangsa akan dcederakan atau dibunuh, ketidakbolehan mangsa untuk berkelakuan seperti yang diinginkan, kesengsaraan dan kesakitan mental menjadi mangsa jenayah. Kos yang berkait dengan risiko nyawa dan kesihatan ini juga sukar untuk dikira.

Mengenai perbelanjaan jabatan polis dalam aktiviti berkaitan dadah, Groose (1990) mengklasifikasikan perbelanjaan penguatkuasaan sebagai kos operasi sistem perundangan untuk mendakwa pesalah. Kos penguatkuasaan juga mengambil kira kos operasi kawalan oleh agensi-agensi persekutuan yang bertindak mengawal jenayah berkaitan dadah. Agensi-agensi tersebut termasuklah agensi penguatkuasaan dadah, pejabat peguam negara, pengawalan oleh polis, perkhidmatan Kastam dan agensi-agensi lain.

Mengenai kaedah pengiraan kos, Groose (1990) menerangkan bahawa anggaran kos bagi aktiviti pencegahan dikira dengan mencampurkan keseluruhan perbelanjaan pencegahan oleh agensi-agensi di peringkat persekutuan, negeri dan tempatan. Kos pencegahan tersebut meliputi kos-kos mahkamah, polis, penjara, langkah pencegahan yang diambil oleh institusi perniagaan dan individu dan nilai kerugian harta benda disebabkan jenayah. Perbelanjaan yang ditanggung oleh kerajaan pula dikira dengan menjumlahkan kos penguatkuasaan undang-undang, kos mahkamah bagi prosiding jenayah yang berkaitan dengan dadah dan kos memenjara penjenayah di penjara. Groose juga menyatakan cara menganggar kos operasi agensi-agensi persekutuan bagi aktiviti berkaitan dadah ialah dengan menjumlahkan kos-kos agensi penguatkuasaan undang-undang, kos perkhidmatan Kastam, kos kawalan persisiran laut dan kos pejabat Peguam Negara.

Kategori kos keselamatan dan ketenteraman awam pula termasuklah kematian akibat kemalangan di tempat kerja, jalan raya, kerugian akibat jenayah harta benda, keganasan



disebabkan faktor psikofarmakologikal, ketakutan yang membataskan pergerakan, ketidaktenteraman awam, kekurangan nilai harta benda di pasaran, dan pertambahan aktiviti yang melanggar undang-undang.

Berpandukan kajian-kajian lepas yang telah dibincangkan, pihak penyelidik cuba memperoleh maklumat kos ekonomi penyalahgunaan dadah di Malaysia. Analisis kajian terhadap kos langsung dan kos tidak langsung terhadap agensi-agensi yang terlibat diharap dapat memberi input kepada pembuat dasar dalam usaha mengoptimumkan kos dalam pelaksanaan Dasar Membanteras Gejala Dadah Negara.

METODOLOGI

Dua kaedah pengumpulan data digunakan iaitu kaedah soal selidik berstruktur dan penyelidikan perpustakaan. Kaedah soal selidik berstruktur digunakan bagi mengumpul data primer. Manakala kaedah penyelidikan perpustakaan digunakan bagi mengumpul data sekunder yang digunakan untuk tujuan analisis kuantitatif.

Bagi kaedah soal selidik berstruktur, dua instrumen kajian yang digunakan ialah temuduga dan borang soal selidik. Pengumpulan data telah dibuat pada bulan Oktober 2008. Instrumen ini digunakan untuk memperoleh maklumat berkaitan kos tidak langsung seperti penurunan produktiviti akibat ketidakhadiran (*absenteesism*) ke tempat kerja, kehilangan produktiviti kerana kematian awal (*premature mortality*), dan kehilangan produktiviti kerana penglibatan dalam jenayah (*crime careers*).

Responden untuk kajian borang soal selidik adalah terdiri daripada bekas penagih dadah yang berdaftar dengan PENGASIH dan PUSPEN. Instrumen ini digunakan untuk memperoleh kos ekonomi yang ditanggung oleh mereka yang menjadi tanggungan bersama (*co-dependent*) kepada penagih. Contohnya tanggungan perbelanjaan oleh isteri atau bapa penagih untuk kos rawatan, kos pendakwaan, kos mahkamah dan kerugian akibat tidak dapat bekerja.



Pengukuran kos ekonomi dikelaskan kepada dua jenis, iaitu kos langsung dan kos tidak langsung. Kos langsung diukur berdasarkan maklumat kos yang berkaitan dengan perbelanjaan pencegahan, penguatkuasaan, rawatan dan pemulihan. Oleh kerana wujud batasan mendapatkan data secara terperinci perbelanjaan yang terbabit dalam program pembasmian penyalahgunaan dadah, kajian kuantitatif memberi tumpuan kepada kos yang ditanggung oleh beberapa agensi kerajaan seperti AADK, PDRM, Jabatan Penjara Malaysia, Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Kesihatan Malaysia, Kementerian Pelajaran Malaysia. Bagi analisis kualitatif, kos rawatan kesihatan individu, kos kerugian produktiviti dan kos berkaitan jenayah dikira untuk mendapatkan kos ekonomi penyalahgunaan dadah.

KEPUTUSAN KAJIAN

Kos Agensi-Agensi Yang Terlibat Dengan Aktiviti Rawatan, Pemulihan, Penguatkuasaan Dan Pencegahan Dadah

Perbelanjaan agensi-agensi yang terlibat dalam aktiviti-aktiviti rawatan, pemulihan, penguatkuasaan dan pencegahan dadah, jumlah keseluruhan perbelanjaan adalah dianggarkan sebanyak RM176,835,669 sebagaimana ditunjukkan oleh Jadual 1.

Jadual 1: Perbelanjaan Agensi – Agensi Pemulihan dan Pencegahan Dadah Tahun 2008

Agensi	Jumlah (RM)
AADK ¹	21,991,550
PDRM	101,048,291
Jabatan Penjara Malaysia	351,427
JAKIM	137,200
Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia	2,226,000
Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional	300,000
Jabatan Kastam Diraja Malaysia	881,076



Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara	131,870
Kementerian Belia dan Sukan	1,883,700
Angkatan Tentera Malaysia	250,000
Kementerian Pelajaran Malaysia	2,000,000
Majlis Keselamatan Negara	53,555
Kementerian Kesihatan Malaysia ²	38,040,000
Kementerian Sumber Manusia	2,116,000
PENGASIH	2,500,000
PEMADAM	2,100,000
PENDAMAI	200,000
Pusat Pemulihan Dadah Persendirian	585,000
Jumlah	176,835,669

Sumber: Pelbagai Agensi Kerajaan

Nota: ¹ Hanya melibatkan perbelanjaan untuk aktiviti rawatan dan pemulihan dadah.

² Tidak termasuk kos Patologi dan Jabatan Kimia

Kos Kepada Penagih Dadah

Kesan penagihan dadah bukan sahaja dilihat kepada agensi-agensi yang terlibat dengan pemulihan dan penguatkuasaan, tetapi juga kepada diri penagih dadah sendiri. Sebagai contoh, penagih kehilangan peluang untuk bekerja dengan baik akibat dari penagihan dadah. Kesan dari penagihan, penagih tidak bekerja dalam sektor produktif kerana jika penagih tidak terlibat dalam penagihan dadah, mungkin mereka bekerja di sektor-sektor tertentu yang memberi keuntungan kepada negara. Kedua, kehilangan produktiviti akibat jenayah yang dilakukan melibatkan kecederaan, kematian dan kehilangan harta benda. Namun begitu, selain daripada mangsa dan penjenayah, pihak ketiga iaitu masyarakat juga turut menanggung kesan jenayah ini. Peningkatan kadar jenayah menyebabkan masyarakat terpaksa mengambil langkah yang lebih berjaga-jaga di samping mengurangkan aktiviti luar rumah memandangkan keselamatan mereka semakin terancam. Selain itu, peningkatan kadar jenayah juga memaksa kerajaan meningkatkan kawalan keselamatan dan kapasiti polis serta peningkatan operasi tangkapan. Secara tidak



langsung ini akan mengakibatkan peningkatan perbelanjaan untuk kawalan keselamatan. Keadaan ini bukan sahaja membebankan kerajaan tetapi turut membebankan pembayar cukai (Kandel, Kevin dan Andrew, 1995).

Kos-kos lain yang terlibat dalam penyalahgunaan dadah termasuk kehilangan nyawa dan harta benda. Anggaran kehilangan nyawa adalah empat orang. Memandangkan nilai nyawa bagi seorang rakyat Malaysia adalah RM1.3 juta (Abu Sufian, 2004), maka jumlah kerugian akibat kematian akibat jenayah adalah RM5.2 juta. Kehilangan harta benda pula adalah RM82,210 sebulan atau RM986,520 setahun akibat kecurian, rompakan, ragut dan lain-lain.

Secara keseluruhannya, kos yang terlibat bagi 243 responden untuk rawatan kesihatan, kerugian produktiviti dan kos jenayah ditunjukkan dalam Jadual 2. Berdasarkan kepada jumlah kos ekonomi penagihan dadah responden, kos ekonomi penagihan dadah dapat dikira. Kos tidak langsung seorang penagih dadah adalah sebanyak RM132,651 iaitu diperolehi dengan membahagikan jumlah kos RM32,234,082 dengan jumlah penagih di Pusat Serenti seramai 7,135 orang.

Jadual 2: Kos Ekonomi Tidak Langsung Penyalahgunaan Dadah

Butiran	Kos (RM)	Kos (RM)
Perbelanjaan Rawatan Kesihatan		529,380
Komponen Kos Kehilangan Produktiviti		
+ Penyakit Berkaitan Penagihan Dadah	231,675	
+ Berada di Institusi (Pusat Serenti)	8,504,568	
+ Dipenjarakan	11,811	
Anggaran Jumlah Kehilangan Produktiviti		8,748,054
Kos Akibat Jenayah dan Lain-Lain Kos		
+ Kos Penjara	16,770,128	
+ Kos Kehilangan Nyawa (mangsa jenayah)	5,200,000	
+ Kos Kehilangan Harta Benda (mangsa jenayah)	986,520	
Anggaran Jumlah Kos Berkaitan Jenayah		22,956,648



Jumlah Kos Ekonomi Tidak Langsung	RM32,234,082
Penagihan Dadah	

Selanjutnya, kos ekonomi penyalahgunaan dadah di Malaysia secara keseluruhan dapat diperolehi dengan menjumlahkan kos langsung dan kos tidak langsung. Jumlah kos keseluruhan ditunjukkan dalam Jadual 3, di mana jumlah kos keseluruhan untuk menanggung 63,884 orang penagih dadah di Malaysia ialah RM8.651 bilion.

Jadual 3: Kos Ekonomi Tidak Langsung Penyalahgunaan Dadah

Butiran	Jumlah (RM)
Kos Tidak Langsung Seorang Penagih	132,651
x Bilangan Penagih Dadah	63,884
Jumlah Kos Tidak Langsung	8,474,276,484
Jumlah Kos Langsung	176,835,669
Jumlah Kos Keseluruhan	8,651,112,153

PERBINCANGAN

Kerajaan menanggung beban yang berat kerana terpaksa menyediakan peruntukan yang tinggi dalam aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan pencegahan dan pemulihan. Kos langsung yang ditanggung oleh kerajaan menunjukkan dalam tahun 2007, kerajaan telah membelanjakan sebanyak RM176,835,669. Jumlah perbelanjaan ini berkaitan dengan semua aktiviti rawatan, pemulihan, pencegahan dan penguatkuasaan yang dilaksanakan oleh agensi-agensinya kerajaan dan bukan kerajaan. Daripada keseluruhan jumlah kos langsung, PDRM membelanjakan peruntukan kerajaan yang tertinggi untuk tujuan pencegahan penyalahgunaan dadah, diikuti oleh Kementerian Kesihatan dan AADK.

Sementara itu, kos tidak langsung yang ditanggung oleh kerajaan juga dianggap tinggi. Penyalahgunaan dadah memberi kesan negatif kepada penagih dari segi tingkat



produktiviti, pendapatan di tempat kerja dan perbelanjaan rawatan kesihatan. Di samping itu, ianya juga menyebabkan kerugian kepada mangsa jenayah yang terbabit dengan penagih termasuklah dari segi kerosakan harta benda, kecederaan malah kehilangan nyawa. Bagi pihak penguatkuasaan undang-undang, mereka terpaksa berbelanja besar untuk membentaras jenayah yang dilakukan oleh bilangan penagih dadah yang ramai.

Dapatan kajian mendapati, anggaran perbelanjaan bagi agensi-agensi pemulihan dan pencegahan dadah ialah RM177 juta pada tahun 2008. Dengan mengambilkira kos rawatan kesihatan, kos kehilangan produktiviti dan kos berkaitan jenayah, kos tidak langsung seorang penagih dadah ialah RM132 ribu. Dengan mengambilkira jumlah seramai 63,884 orang penagih dadah masa kini, memberikan jumlah kos tidak langsung RM8.47 bilion, dan jumlah kos keseluruhan (kos langsung dan kos tidak langsung) sebanyak RM8.65 bilion. Ini menjadikan kos perkapita penagihan dadah di Malaysia ialah RM332. Secara perbandingan, Kanada menanggung kos sebanyak CAN\$1.37 bilion, atau CAN\$48 perkapita (Single *et al.*, 1998), dan Australia menanggung kos sebanyak AUS\$1.468 bilion (Collins & Lapsey, 1999).

CADANGAN

Berdasarkan kepada nilai anggaran kos ekonomi penyalahgunaan dadah yang tinggi, kerajaan menanggung beban kos yang tinggi akibat daripada masalah penyalahgunaan dadah. Justeru itu, perlaksanaan dasar dan undang-undang yang mantap dan berkesan adalah perlu bagi mengatasi masalah penyalahgunaan dadah.

Implikasi polisi dari kajian ini mengandungi beberapa cadangan seperti berikut:

1. Menubuhkan satu unit dalam setiap agensi dan jabatan yang berkaitan dengan penyalahgunaan dadah untuk mengumpul data-data peruntukan dan perbelanjaan program pemulihan dan rawatan serta aktiviti-aktiviti yang dijalankan. Ianya bertujuan untuk membolehkan agensi atau jabatan tersebut melihat sendiri beban kos yang terpaksa ditanggung setiap tahun sama ada meningkat atau sebaliknya semata-mata untuk membasmi masalah penyalahgunaan dadah.



2. Setiap tahun, sebagai contoh, jumlah peruntukan PENGASIH dan PENDAMAI hanyalah sebanyak RM200,000 sahaja setahun. Keperluan peruntukan samada ianya perlu dipertingkatkan atau sebaliknya sentiasa perlu dipertimbangkan supaya ia bersesuaian dengan peningkatan harga barangan atau kadar inflasi.
3. Setiap agensi dan jabatan yang berkaitan dengan pembasmian masalah penyalahgunaan dadah perlu mengadakan langkah-langkah atau strategi-strategi untuk mengurangkan bebanan kos masing-masing tetapi pada masa yang sama keberkesanan program pembasmiannya harus dipertingkatkan.
4. Melaksanakan program pendidikan pencegahan sama ada oleh majikan atau masyarakat awam secara meluas boleh mengurangkan beban kos ekonomi penyalahgunaan dadah yang ditanggung oleh kerajaan. Program pendidikan pencegahan dadah merupakan strategi utama dalam program pencegahan awalan. Matlamat program pendidikan pencegahan dadah adalah untuk memberi pengetahuan, kesedaran dan keinsafan kepada semua lapisan masyarakat agar mereka menjauhinya dan berupaya menentang ancaman dadah.
5. Media massa perlu berperanan secara agresif untuk menyebarkan maklumat mengenai penyalahgunaan dadah bagi meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai kesan dan akibat daripada penyalahgunaan dadah. Peningkatan kesedaran di kalangan masyarakat boleh mengurangkan penglibatan ahli masyarakat dalam aktiviti penyalahgunaan dadah dan seterusnya mengurangkan kos ekonomi penyalahgunaan dadah.



RUJUKAN

- Abu Sufian Abu Bakar, (2004). *Kemalangan Jalan Raya. Kos dan Nilai*: Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) (2008). *Laporan Dadah 2008*: Putrajaya: Kementerian Dalam Negeri.
- Anderson, D.A. (1999). The aggregate burden of crime. *Journal of Law and Economics*. Vol. 42 (2), pp. 611-642.
- Collins, D.J. & Lapsley, H.M. (1999). *Counting the cost: Estimates of the social costs of drug abuse in Australia*. Retrieved August 24, 2008, from Australian Government, Australian Institute of Criminology Web site: <http://www.aic.gov.au/publications/other/ndsmono49.html>
- Single, E. Robson, L., Xie, X. & Rehmn, J. (1998), The economic costs of alcohol, tobacco and illicit drugs in Canada, 1992. *Addiction*. Vol. 93(7), pp. 991-1006.
- Groose, R. (1990). The economic impact of andean cocaine traffic on Florida. *Journal of Interamerican Studies and World Affairs*. Vol.32 (4), pp. 137-159.
- Kandel, D.B., Kevin C. & Andrew, K. (1995). *Determination of productivity*. Eaglewood Cliffs, NJ: Prentice-Hall.
- MacCoun, R., Reuter, P. & Schelling, T. (1996). *Assessing alternative drug control regimes* [Electronic Version]. Vol. 15 (3), pp. 330-352.